

Soalan Objektif

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Agora

1. Agora merupakan salah satu kawasan dalam Acropolis tamadun Yunani. Apakah peranan Agora?
 - A Tempat pertemuan dan pasar awam
 - B Tempat beribadat
 - C Bangunan kerajaan
 - D Rumah golongan bangsawan

Soalan 2 berdasarkan pernyataan di bawah.

Athens
Sparta
Corinth

2. Rajah di atas menunjukkan negara kota dalam Tamadun Yunani yang dikenali sebagai _____.
 - A Agora
 - B Acropolis
 - C Polis
 - D Kota polis
3. Apakah persamaan sistem demokrasi yang diamalkan di Yunani dan sistem demokrasi di Malaysia?
 - A Hanya kaum lelaki dipilih menjadi wakil rakyat
 - B Dikuasai oleh golongan bangsawan
 - C Dikuasai oleh golongan raja
 - D Rakyat berkuasa memilih wakil rakyat melalui pengundian
4. Antara yang berikut, manakah merupakan keanggotaan dewan Perhimpunan?
 - I Terdiri daripada semua warganegara lelaki
 - II Hanya warganegara lelaki dibenarkan menghadiri perhimpunan
 - III Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan selama lima tahun
 - IV Bersidang sekurang-kurangnya 3 kali sebulan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
5. Mengapakah kerajaan Sparta memberikan penekanan kepada disiplin ketenteraan kepada kaum wanita dan kanak-kanak?
 - A Melatih menjadi tentera
 - B Memaksa mereka mempertahankan negara
 - C Memupuk taat setia kepada negara kota
 - D Memenangi peperangan dengan negara lain
6. Tamadun Rom muncul sebagai sebuah kuasa paling kuat di Mediterranean apabila berjaya mengalahkan pesaing yang wujud termasuklah Mesir. Apakah faktor yang mendorong pembinaan Tamadun Rom?
 - I Kebebasan pemikiran masyarakat
 - II Sikap ingin tahu masyarakat
 - III Pemimpin yang berwibawa
 - IV Kekuatan ketenteraan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
7. Masyarakat dalam Tamadun Rom terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu Patrician, Plebian dan _____.
 - A petani
 - B artisan
 - C peniaga
 - D hamba
8. Apakah fungsi atau tujuan utama akueduk yang dibina oleh Marcus Visanius Agrippa dalam Tamadun Rom?
 - A Membekalkan air ke kawasan pertanian
 - B Membekalkan air ke rumah kediaman
 - C Lambang keagungan Tamadun Rom
 - D Sebagai tempat beribadat
9. Jalan raya di Rom mula dibina pada tahun 500 SM. Apakah ciri-ciri jalan raya dalam Tamadun Rom?
 - I Luas jalan raya ialah 3 kaki
 - II Dibina menggunakan batu besar sahaja supaya tahan dan kuat
 - III Terdapat batu tanda bagi menunjukkan jarak satu kawasan dengan kawasan lain
 - IV Dibina secara berlapis menggunakan batu besar, batu kecil dan batu kerikil
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Mengapakah orang Rom membina tempat mandi awam?
 - A Kebersihan dan kesihatan lambang kehidupan bertamadun
 - B Melindungi Tamadun Rom daripada serangan musuh
 - C Menghubungkan bandar-bandar utama
 - D Pengawalan air yang sistematik